

LAPORAN AKHIR

MENYINGKAP SPEKTRUM
SENTIMEN MASYARAKAT DI
DUN AYER KUNING:
MEMAHAMI PERSEPSI AWAM
TERHADAP TADBIR URUS KERAJAAN
NEGERI PERAK



2025

ISI KANDUNGAN

PRAKATA.....	4
RINGKASAN EKSEKUTIF.....	5
1.0 PENGENALAN	6
1.1 Pendahuluan.....	6
1.2 Latar Belakang Kajian	7
1.3 Skop	8
2.0 KAJIAN LAMPAU	9
2.1 Pengaruh terhadap Sentimen Masyarakat dalam Pengundian	9
2.2 Kepelbagaian Metodologi dalam Mengukur Sentimen Masyarakat.....	10
3.0 METODOLOGI	12
4.0 HASIL ANALISIS.....	15
4.1 Demografi Masyarakat DUN Ayer Kuning	15
4.2 Sokongan Masyarakat terhadap Kerajaan	16
4.3 Sokongan Masyarakat terhadap Perak Sejahtera 2030.....	17
4.4 Sumber Maklumat Pilihanraya Masyarakat	18
4.5 Kesejahteraan Masyarakat dalam Aspek Politik.....	19
4.6 Kesejahteraan Masyarakat dalam Aspek Ekonomi.....	21
4.7 Kesejahteraan Masyarakat dalam Aspek Sosial.....	22
4.8 Aspirasi Masyarakat untuk DUN Ayer Kuning.....	25
5.0 HASIL ANALISIS (PASCA PILIHAN RAYA)	29
6.0 RUMUSAN	40
7.0 RUJUKAN.....	41
Lampiran A – Set Soalan Kajian	43

SENARAI RAJAH

Rajah 1. Proses pelaksanaan kajian.....	12
Rajah 2. Peratus sokongan ke atas parti politik untuk DUN Ayer Kuning.....	16
Rajah 3. Persepi masyarakat DUN Ayer Kuning terhadap program Perak Sejahtera 2030.	17
Rajah 4. Sumber maklumat berkaitan pilihan raya masyarakat.	18
Rajah 5. Perkaitan antara faktor penentu undi dan usia masyarakat.	20
Rajah 6. Word Cloud dari maklumbalas responden untuk aspirasi Negeri Perak.	25
Rajah 7. Word cloud daripada kajian Denyut Nadi Perak Sejahtera 2030.	27
Rajah 8. Peratus keluar mengundi mengikut kelompok komposisi kaum	30
Rajah 9. Peratus keluar mengundi mengikut saluran.....	31
Rajah 10. Pecahan pengundi mengikut majoriti kaum	32
Rajah 11. Perbandingan Peningkatan dan Pengurangan Undi	33
Rajah 12. Pilihan Parti Mengikut Saluran.....	36
Rajah 13. Pilihan parti mengikut saluran anak muda / pengundi baharu.....	39

SENARAI JADUAL

Jadual 1. Demografi responden kajian di Ayer Kuning	15
Jadual 2. Faktor penentu undi.....	19
Jadual 3. Persepsi Masyarakat Ayer Kuning terhadap tadbir urus berkaitan ekonomi.....	22
Jadual 4. Persepsi Masyarakat Ayer Kuning terhadap tadbir urus berkaitan sosial.	23
Jadual 5. Matriks SWOT	28
Jadual 6. Peratusan keluar mengundi mengikut saluran	29
Jadual 7. Peratusan keluar mengundi mengikut saluran dan kaum	30
Jadual 8. Pecahan pemenang mengikut Pusat Daerah Mengundi (PDM) pada PRU 15	31
Jadual 9. Perbezaan undi mengikut Parti PN dan PSM berbanding BH.....	33

PRAKATA

Alhamdulillah, usaha dan kerjasama para penyelidik projek bertajuk “Menyingkap Spektrum Sentimen Masyarakat di Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Kuning: Memahami Persepsi Awam terhadap Tadbir Urus Kerajaan Negeri Perak”, berjaya melengkapkan kajian seperti yang diamanahkan. Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan bantuan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, sepanjang kajian ini dilaksanakan.

Ucapan terima kasih khusus ditujukan kepada Institut Darul Ridzuan (IDR) atas kepercayaan yang diberikan serta sokongan pembiayaan yang memastikan kelangsungan projek penyelidikan ini. Pihak IDR yang telah banyak memudahkan semua urusan agar kajian ini mampu diselesaikan dalam tempoh sebulan. Penghargaan juga ditujukan kepada Pusat Pengujian, Pengukuran dan Penilaian (CeTMA), Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Jabatan Undang-Undang dan Bendahari Universiti Utara Malaysia, yang sentiasa bersedia dengan kemudahan dan bantuan dari aspek pengurusan bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek ini.

Kami turut ingin menzahirkan penghargaan yang tidak terhingga kepada seluruh pasukan pembantu penyelidik dan enumerator yang telah menunjukkan dedikasi tinggi dalam memastikan pengumpulan data mencapai sasaran yang ditetapkan. Usaha gigih mereka dalam mendekati masyarakat di DUN Ayer Kuning tidak kira siang mahupun malam adalah tonggak utama kejayaan kajian ini.

Akhir sekali, penghargaan tulus kami dedikasikan kepada keluarga yang sentiasa menjadi sumber inspirasi dan kekuatan sepanjang perjalanan kajian ini. Sokongan dan doa mereka amat bermakna dalam merealisasikan kajian ini. Terima kasih kepada semua yang telah menyumbang kepada kejayaan projek ini. Semoga segala usaha dan jasa baik kalian mendapat ganjaran yang setimpal.

Ikhlas daripada Penyelidik:

Prof. Dr. Mohd Azizuddin Mohd Sani (Ketua Penyelidik)
 Prof. Madya Dr. Nor Idayu Mahat
 Prof. Madya Ts. Dr. Izwan Nizal bin Mohd Shahrane

RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan akhir ini memperihalkan hasil kajian sentimen masyarakat di Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Kuning, Perak, dalam konteks persepsi terhadap tadbir urus Kerajaan Negeri Perak dan pelaksanaan agenda pembangunan Perak Sejahtera 2030. Kajian ini dilaksanakan selama sebulan yang telah melibatkan 513 responden mewakili pelbagai latar belakang demografi. Objektif utama kajian adalah untuk memahami kehendak, aspirasi dan tahap sokongan masyarakat terhadap kepimpinan kerajaan serta inisiatif pembangunan negeri. Tinjauan mendapati majoriti responden memberikan sokongan tinggi kepada Perdana Menteri (81.87%), Menteri Besar Perak (83.04%), dan dasar Perak Sejahtera 2030 (84.02%). Barisan Nasional kekal menjadi parti paling dominan di kawasan ini dengan sokongan 84.80%. Kajian ini juga menunjukkan masyarakat memberi keutamaan kepada isu-isu seperti capaian kesihatan, kemiskinan, peluang pekerjaan untuk belia, dan perpaduan kaum. Walaupun majoriti responden menerima bantuan kerajaan, masih wujud keperluan penambahbaikan dari segi keberkesanan sokongan ekonomi dan jaringan sosial. Dapatan kajian pasca Pilihan Raya Kecil (PRK) Ayer Kuning yang telah diadakan pada April 2025 menunjukkan kemenangan selesa calon BN, disokong oleh pengundi Melayu dan pengundi muda yang mula beralih arah kepada BN. Antara faktor kemenangan BN ialah kekuatan jentera kerajaan perpaduan, populariti kepimpinan utama, dan tawaran pembangunan yang lebih diyakini rakyat. Kajian ini merumuskan bahawa pemantauan berkala terhadap sentimen rakyat merupakan alat penting dalam merangka dasar yang responsif dan inklusif. Aspirasi masyarakat Ayer Kuning menuntut agar dasar pembangunan diteruskan dengan penekanan kepada keadilan sosial, peluang ekonomi, dan kestabilan politik demi kesejahteraan jangka panjang.

1.0 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kajian berkaitan pengukuran kepada sentimen masyarakat adalah suatu keperluan. Kajian seperti ini tidak harus dilihat sekadar satu kajian akademik atau penyelidikan sosial, sebaliknya ia merupakan alat penting dalam memahami denyut nadi masyarakat terutamanya dalam senario di Malaysia yang memiliki masyarakat majmuk. Sentimen masyarakat merupakan tindak balas langsung terhadap pandangan, harapan, kebimbangan dan sokongan rakyat terhadap dasar kerajaan, kepimpinan politik serta isu-isu yang berlaku di sekeliling mereka. Justeru, memahami spektrum sentimen masyarakat adalah penting bukan sahaja untuk tujuan politik, tetapi juga untuk menjamin kestabilan sosial dan keharmonian antara kaum.

Secara praktisnya, kajian sentimen masyarakat kerap dilaksanakan secara berkala kerana sentimen masyarakat bersifat dinamik, kerap berubah mengikut masa serta dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti ekonomi, isu perkauman, kemajuan pembangunan serta komunikasi politik yang tersebar melalui media sosial. Di atas sifat inilah maka pemantauan secara berkala dapat bertindak sebagai “sistem amaran awal” terhadap sebarang ketidakpuasan hati yang mungkin mencetuskan konflik sosial, ketegangan antara kaum atau penurunan kepercayaan terhadap institusi pemerintah. Kealpaan dalam mengesan perubahan sentimen dan kegagalan menangani isu yang muncul secara efektif boleh membawa kepada kesan jangka panjang yang lebih serius seperti penguncupan sokongan politik, protes awam, ketidaktentuan ekonomi setempat, dan pengasingan sosial antara komuniti.

Tidak terhad kepada itu, dapatan daripada kajian sentimen mampu membantu Kerajaan membina polisi yang berteraskan realiti emosi masyarakat. Hasilnya, polisi atau dasar yang digubal adalah lebih bersifat manusiawi dan dekat di hati masyarakat, berbanding sekadar telahan yang dibina berdasarkan angka-angka yang mewakili petunjuk pembangunan, ekonomi dan kelestarian semata-mata. Oleh itu, kajian sentimen masyarakat seperti ini bukan sahaja bertindak sebagai alat pengukuran reaksi rakyat, tetapi juga sebagai asas kepada penambahbaikan dasar, pendekatan komunikasi, serta strategi pembangunan yang lebih inklusif dan responsif.

DUN Ayer Kuning, seperti banyak kawasan lain di Malaysia, memiliki dinamika sosio-politik yang unik iaitu diwarnai oleh pelbagai latar belakang kaum, agama, umur dan tahap pendidikan. Dalam landskap politik semasa yang kian mencabar, memahami sentimen rakyat secara menyeluruh menjadi keutamaan bagi mana-mana kerajaan yang mahu kekal relevan dan responsif terhadap keperluan rakyat.

1.2 Latar Belakang Kajian

Ayer Kuning merupakan sebuah DUN dalam Negeri Perak yang mempunyai komposisi 56% pengundi Melayu, 22% pengundi Cina, 14% pengundi India dan 8% lain-lain kaum. Berdasarkan komposisi demografi ini, secara mudah difahami bahawa DUN Ayer Kuning terdiri daripada peratusan besar pengundi Melayu. DUN ini tidak mempunyai satu ekonomi khusus yang dominon tetapi pertumbuhan ekonomi di kawasan tersebut sejajar dengan landskap ekonomi Perak yang lebih luas, yang berpotensi berkembang melibatkan pertanian, pembuatan berskala kecil dan perkhidmatan. Pada Pilihanraya Ogos 2022, kerusi DUN tersebut disandang oleh YB Ishsam Shahrudin daripada Barisan Nasional (BN) yang mempertahankan kerusi tersebut dengan majoriti 2,087 undi. Namun, kerusi tersebut kosong susulan kematiannya pada Februari lalu.

Senario Ayer Kuning adalah satu contoh plot kawasan yang sesuai dikaji tentang penerimaan masyarakat Perak terhadap pelan Perak Sejahtera 2030. Jika pada pilihanraya umum 2022 lalu, sentimen masyarakat banyak dipengaruhi oleh aura Parti Perpaduan di peringkat Persekutuan yang dilihat sangat berpotensi untuk menerajui pemerintahan negara, maka timbul persoalan sama ada kehendak dan aspirasi masyarakat akan berubah apabila ada tindakan atau usaha daripada Kerajaan Negeri Perak.

Objektif kajian ini adalah untuk merungkai kehendak dan aspirasi masyarakat di Ayer Kuning terhadap domain dan inisiatif yang digariskan dalam Perak Sejahtera 2030. Ini dapat dicapai dengan

- (i) Mengenalpasti keutamaan masyarakat yang mampu mempengaruhi pembuatan keputusan mereka melangkaui kebimbangan ekonomi, sosial dan politik, seperti persepsi kepimpinan, keberkesanan tadbir urus tempatan dan kesan dasar Kerajaan Negeri.

- (ii) Menganalisis bagaimana media sosial, saluran berita dan kempen politik membentuk sentimen awam di Ayer Kuning.
- (iii) Menilai tahap penglibatan masyarakat dan faktor yang menggalakkan atau menghalang penyertaan mereka dalam proses pilihan raya.

1.3 Skop

Kajian ini telah dilaksanakan di beberapa lokaliti terpilih dalam DUN Ayer Kuning, Perak, dalam tempoh satu (1) bulan. Kumpulan individu dengan latar belakang yang spesifik berdasarkan kaum, kepelbagaian kerjaya dan umur telah dipilih untuk ditemubual. Konsep temubual adalah untuk menentukan tahap sentimen masyarakat, yang diukur dari aspek bahan pandangan (*view material*). Fokus kajian adalah untuk mengukur darjah sentimen masyarakat tempatan terhadap fokus dan inisiatif yang telah dilaksanakan atau dirancang di kawasan mereka, atau Negeri Perak umumnya.

2.0 KAJIAN LAMPAU

2.1 Pengaruh terhadap Sentimen Masyarakat dalam Pengundian

Kajian tentang sentimen masyarakat dalam konteks pilihan raya di Malaysia telah menunjukkan perubahan corak pemikiran dan kecenderungan pengundi dari semasa ke semasa. Sentimen ini banyak dipengaruhi oleh faktor personaliti calon, persekitaran media, isu semasa serta penggunaan teknologi komunikasi.

Ismail dan Mohamed Noor (2023) mengenal pasti satu fenomena baharu iaitu kecenderungan pengundi untuk menilai kelayakan wakil rakyat berdasarkan personaliti calon dan agenda utama yang dibawa, khususnya semasa Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14). Kajian mereka menyatakan bahawa calon yang memiliki kredibiliti peribadi dan menawarkan agenda yang diyakini rakyat lebih mendapat perhatian berbanding parti yang diwakili. Namun, menjelang PRU15, muncul pula generasi pengundi muda yang menunjukkan minat terhadap calon berdasarkan aspek keterlibatan langsung, citra calon serta kemampuan berkomunikasi di media sosial.

Dalam kontek serupa, kajian oleh Mohd Nizah dan Abu Bakar (2024) mendapati bahawa kumpulan pengundi muda, khususnya mereka yang tergolong dalam kategori *Undi18*, menjadi sasaran utama dalam strategi komunikasi politik. Penyelidik menekankan bahawa isu-isu berkaitan agama, kaum, dan institusi diraja (3R), bersama dengan penyebaran maklumat melalui media sosial, menjadi taruhan utama parti-parti politik dalam menyebarkan propaganda. Justeru, rumusan kajian mereka telah memberi amaran bahawa jika fenomena ini tidak diurus secara bijaksana, memes politik berunsur negatif dan fitnah boleh tersebar dengan pantas, sekali gus mempengaruhi sentimen awam secara tidak sihat.

Sementara itu, Sani dan Kasim (2024) menelusuri landskap komunikasi politik di Malaysia dan mendapati bahawa sebelum PRU12 pada tahun 2008, Barisan Nasional (BN) mendominasi saluran komunikasi melalui pemilikan media arus perdana dan penguatkuasaan undang-undang seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (PPPA). Walau bagaimanapun, kebangkitan media sosial selepas tahun tersebut telah mengubah corak pengaruh politik. Masyarakat kini beralih kepada platform digital untuk mendapatkan

maklumat alternatif dan menyuarakan pendapat secara lebih terbuka. Ini telah mencetuskan landskap politik yang lebih rencam dan mencabar dominasi politik tradisional.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian lampau menunjukkan bahawa sentimen masyarakat bukan lagi dipacu sepenuhnya oleh ideologi parti, tetapi turut dipengaruhi oleh personaliti calon, keberkesanan komunikasi dalam talian, serta naratif yang dibentuk melalui isu-isu semasa. Hal ini memperkukuhkan keperluan untuk melakukan kajian secara berkala bagi memahami perubahan sentimen rakyat, khususnya dalam kalangan pengundi muda di peringkat DUN seperti Ayer Kuning.

2.2 Kepelbagaian Metodologi dalam Mengukur Sentimen Masyarakat

Perkembangan teknologi dan ilmu-ilmu baharu telah memperlihatkan variasi metodologi diaplikasikan dalam mengukur sentimen masyarakat. Perubahan dapat dilihat dari aspek alat ukur konvensional (contoh temubual dan kertas soal selidik) kepada alat ukur model (contoh soal selidik maya), kaedah analisis kualitatif atau kuantitatif kepada kaedah campuran kedua-duanya yang lebih dinamik serta tahap kompleksiti analisis yang dahulunya terhad kepada analisis perihalan kepada pemerhatian pola tersirat dalam data.

Zulkarnain dan Rahman (2021) menjalankan kajian kuantitatif menggunakan borang soal selidik dalam kalangan 500 responden pengundi muda di tiga negeri utama melibatkan Selangor, Kedah dan Johor bagi mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pilihan mereka semasa PRU14. Hasil kajian mendapati bahawa media sosial menjadi saluran utama pengundi muda mendapatkan maklumat politik, dengan 72% responden menyatakan bahawa mereka membuat keputusan mengundi berdasarkan kandungan dalam talian berbanding ceramah politik konvensional.

Junaidi (2025) melaporkan hasil penyelidikan beliau mengenai Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Nenggiri di Kelantan. Dapatan beliau yang menggunakan pendekatan kualitatif menunjukkan bagaimana sentimen pengundi boleh berubah berikutan faktor persekitaran politik semasa. Pendekatan kuantitatif yang dilaksanakan terhadap data keputusan keputusan pilihan raya mengikut saluran dan daerah mengundi menunjukkan bahawa pengundi Nenggiri lebih mengutamakan elemen politik pembangunan, perpaduan, dan hubungan mesra pemimpin setempat berbanding politik identiti. Faktor seperti pengaruh tokoh tempatan (Tengku Razaleigh), latar belakang calon, serta pendekatan kempen

berfokus turut mempengaruhi keputusan PRK yang menyaksikan peralihan undi daripada PAS kepada BN. Kajian ini menekankan pentingnya memahami strategi dan dinamika tempatan dalam menjangka sentimen politik semasa pilihan raya.


Mohd Ezril, Ku Hasnita dan Norbaya (2019) meneliti hubungan antara kebergantungan terhadap sosialisasi politik di media sosial dengan perubahan budaya politik dalam kalangan belia bandar di DUN Kajang. Berdasarkan sampel rawak berkelompok melibatkan 432 responden, analisis statistik (SPSS v23) menunjukkan bahawa kebergantungan belia terhadap maklumat politik di media sosial mempunyai hubungan yang lemah dan tidak signifikan secara statistik dengan perubahan budaya politik. Namun, faktor etnik didapati memainkan peranan signifikan dalam mempengaruhi perubahan tersebut. Kajian ini menyimpulkan bahawa walaupun media sosial memberi ruang kepada belia mendapatkan maklumat politik, kesannya terhadap perubahan budaya politik adalah terhad dan perlu dikaji lanjut dengan perbandingan antara belia bandar dan luar bandar. Dalam menghuraikan dapatan ini, penyelidik telah menggunakan analisis perihalan dan pengujian berstatistik termasuklah ANOVA dan pemodelan regresi linear.

Dalam satu lagi kajian longitudinal oleh Hashim dan Othman (2022), penyelidik meneliti perubahan sentimen masyarakat selama tempoh lima tahun, iaitu dari PRU14 ke PRU15 melalui analisis kandungan media sosial menggunakan teknik analisis sentimen automatik. Kajian ini menggunakan perisian analitik data (seperti NVivo dan R Studio) bagi menganalisis ribuan ciapan di Twitter yang berkaitan dengan parti politik utama. Dapatan menunjukkan bahawa sentimen positif terhadap sesebuah parti boleh berubah drastik dalam tempoh yang singkat akibat insiden nasional tertentu seperti skandal atau bencana alam.

Secara umumnya, penggunaan kepelbagaian metodologi dalam mengkaji sentimen masyarakat didorong oleh objektif yang ingin dicungkil. Juga, sentimen masyarakat mampu berubah dengan pantas, justeru menguatkan lagi hujah mengapa kajian sentimen masyarakat wajar dilaksanakan secara kerap.

3.0 METODOLOGI

Dalam mencapai objektif seperti yang telah dinyatakan dan berpandukan skop kajian, pelaksanaan kajian ini telah dilaksanakan menerusi proses-proses seperti di Rajah 1.



Rajah 1. Proses pelaksanaan kajian.

a) Pembentukan set soalan

Set soalan yang dibangunkan dalam kajian ini merupakan pengemblengan dua (2) set soalan tersedia iaitu (i) Sentimen Masyarakat Malaysia terhadap Politik-Ekonomi-Sosial dan (ii) Denyut Nadi Perak Sejahtera 2030. Set soalan (i) adalah berdasarkan kerangka PESTEL (*political, economic, social, technological, economic and legal factors*) yang umumnya digunapakai untuk mengukur kesan ke atas organisasi atau industri. Ia juga sesuai digunakan untuk mengukur sentimen masyarakat memandangkan faktor-faktor di dalam PESTEL adalah berkait langsung dengan pembangunan negeri. Manakala set soalan (ii) merupakan set soalan yang telah dibangunkan oleh Institut Darul Ridzuan. Pengemblengan kedua-dua set soalan ini adalah bersesuaian dengan senario semasa politik, tadbir urus kerajaan, ekonomi, pembangunan dan sosial berkaitan Ayer Kuning dan negeri Perak. Segmen soalan adalah seperti berikut:

- Bahagian A - Demografi responden
- Bahagian B – Aspirasi masyarakat terhadap kerajaan
- Bahagian C – Kesejahteraan masyarakat (Politik)
- Bahagian D – Kesejahteraan masyarakat (Ekonomi)

- Bahagian E – Kesejahteraan masyarakat (Sosial)
- Bahagian F – Kesejahteraan masyarakat (Legal)

Set ini mengandungi soal selidik tertutup dan terbuka yang membenarkan responden memberi pandangan terhadap perkara yang selesai untuk mereka kongsi. Set penuh berkaitan alat ukuran ini adalah seperti di Lampiran A.

b) Pembangunan papan pemuka analitik

Pembangunan papan pemuka analitik bertujuan untuk memberi komunikasi awal berkaitan analisis terhadap data-data yang dikutip dalam kajian ini. Papan pemuka bertindak memberi gambaran tentang sampel yang diperolehi, sentimen masyarakat terhadap tadbir urus Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan serta pola persepsi masyarakat terhadap situasi ekonomi, politik dan sosial di Ayer Kuning.

c) Pensampelan dan kutipan data

Proses kutipan data melibatkan pendekatan mendekati responden dan menjemput mereka menjawab soalan yang disediakan melalui pautan *online survey*. Tempoh kutipan data adalah bermula dari 10 April 2025 sehingga pilihanraya DUN Ayer Kuning. Sampel kajian dipilih mengikut kaedah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) dengan kriteria berikut menentukan ciri individu yang terpilih sebagai responden kajian:

i) Umur

Individu yang terdiri daripada kategori berikut adalah layak untuk terpilih sebagai responden: 13 – 17 tahun, 18 – 30 tahun, 31 – 40 tahun, 41 – 50 tahun, 51 – 60 tahun dan lebih daripada 60 tahun.

ii) Kaum

Individu adalah berstatus warganegara daripada mana-mana kaum di Malaysia. Namun, soalan kaji selidik (Lampiran A) hanya merujuk kepada agama (berbanding kaum), bagi mengurangkan kesan penolakan responden untuk menjawab lain-lain soalan yang dikemukakan.

iii) Latar belakang ekonomi keluarga

Individu adalah daripada kelompok B40, M40 atau T20 mengikut pecahan khusus yang akan ditentukan daripada jumlah sasaran sampel. Aspek ini diukur daripada maklumat pendapatan isi rumah (RM) yang dibekalkan responden.

Bilangan saiz sampel yang disasarkan adalah 500 orang responden, sesuai dengan tempoh kajian yang singkat. Namun, kajian ini berjaya mengumpul 513 orang responden (102.60%).

d) Analisis data

Kajian ini telah melaksanakan analisis kuantitatif dan analisis kualitatif bagi memenuhi semua objektif kajian yang disenaraikan dalam Bab Pengenalan. Analisis kuantitatif bertujuan untuk menganggar tahap persetujuan dan kepuasan masyarakat terhadap dasar-dasar Kerajaan serta inisiatif-inisiatif yang telah diperkenalkan termasuk di bawah agenda Perak Sejahtera 2030. Manakala, analisis kualitatif pula dilaksanakan untuk melengkapkan penemuan kuantitatif dengan menyediakan konteks dan pemahaman yang lebih mendalam tentang aspirasi dan keperluan untuk masyarakat di DUN Ayer Kuning. Alat analisis yang digunakan adalah seperti berikut:

i) Analisis Kuantitatif

Alat statistik perihalan (contoh carta bar, jadual dan nilai peratusan) dan statistik diagnostik (contoh jadual multi-hala) digunakan untuk memerihalkan data.

ii) Analisis Kualitatif

Analisis tematik dilaksanakan bagi meneroka makna dan naratif asas dalam soalan respons terbuka yang disertakan dalam soal selidik. Analisis ini juga mampu mengenal pasti tema utama tentang persepsi masyarakat serta aspirasi mereka terhadap Dun Ayer Kuning.

4.0 HASIL ANALISIS

4.1 Demografi Masyarakat DUN Ayer Kuning

Rumusan maklumat responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seperti pada Jadual 1. Responden dalam kajian ini mencakupi setiap kategori dalam faktor demografi yang diperhatikan.

Jadual 1. Demografi responden kajian di Ayer Kuning

Demografi		Bilangan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	273	53.22
	Perempuan	240	46.78
Agama	Islam	266	51.85
	Buddha	101	19.69
	Hindu	67	13.06
	Kristian	59	11.50
	Lain-lain	20	3.90
Umur	18 – 30 tahun	154	30.02
	31 – 40 tahun	136	26.51
	41 – 50 tahun	131	25.54
	51 – 60 tahun	73	14.23
	Melebihi 60 tahun	19	3.70
Pekerjaan Semasa	Kerajaan	77	15.01
	Swasta	124	24.17
	Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)	31	6.04
	Perusahaan / Perniagaan	158	30.80
	Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)	7	1.60
	Pelajar	68	13.26
	Tidak Bekerja	48	9.36
Pendapatan Isi Rumah (Bulanan)	Bawah RM1,084	26	5.07
	RM1,084 – RM2,297	99	19.30
	RM2,298 – RM3,790	117	22.81
	RM3,791 – RM7,919	175	34.11
	Melebihi RM7,919	96	18.71

Penglibatan hampir sama peratusan daripada kalangan lelaki dan perempuan. Dari aspek komposisi agama pula, 51.85% responden adalah dari kelompok beragama Islam, iaitu sinonim dengan kaum Melayu. Ini diikuti dengan responden beragama Buddha (19.69%) yang juga sinonim kepada kaum Cina, manakala responden beragama Hindu (13.06%) adalah sinonim kepada kaum India. Perolehan sampel dengan taburan sebegini adalah


mewakili komposisi kaum di DUN Ayer Kuning dengan rekod menunjukkan 56% pengundi Melayu, 22% pengundi Cina, 14% pengundi India dan 8% lain-lain kaum.

Sampel juga menunjukkan kebanyakan responden yang didekati adalah dalam kalangan mereka yang mempunyai perusahaan atau perniagaan sendiri (30.80%), diikuti oleh pekerja di sektor swasta (24.17%) dan awam (15.01%). Majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini merupakan pengundi di DUN Ayer Kuning (96.30%) dengan 94.93% menetap di DUN Ayer Kuning dalam tempoh 6 tahun atau lebih. Statistik yang diperolehi ini memberi gambaran bahawa sumbangan dapatan yang akan dilapor kelak pada bahagian berikutnya, mewakili suara majoriti masyarakat Dun Ayer Kuning.

4.2 Sokongan Masyarakat terhadap Kerajaan

Pemerhatian ini dibuat untuk dua perkara iaitu sokongan terhadap (i) pemimpin utama dan (ii) parti politik. Tinjauan kajian ini mendapati 81.87% responden berpuashati dengan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim, manakala peratusan kepuasan terhadap Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad adalah 83.04%. Turut mencatatkan peratusan kepuasan baik adalah mantan ADUN terdahulu dengan nilai 79.92%.

Dari aspek parti popular pula, Rajah 2 menunjukkan sokongan yang tinggi kepada Barisan Nasional dengan 84.80% berbanding dengan lain-lain parti politik.




Rajah 2. Peratus sokongan ke atas parti politik untuk DUN Ayer Kuning.

Sokongan pada Barisan Nasional adalah sangat tinggi berbanding dengan lain-lain parti politik terutamanya parti Perikatan Nasional. Implikasi atas dapatan ini, 84.02% masyarakat di DUN Ayer Kuning bersetuju dengan dasar yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Perak menerusi Perak Sejahtera 2030.

4.3 Sokongan Masyarakat terhadap Perak Sejahtera 2030

Atas persepsi positif masyarakat DUN Ayer Kuning terhadap pelan Perak Sejahtera 2030, perincian kajian juga mendapati bahawa masyarakat di DUN tersebut memberikan skor yang baik terhadap program-program yang diperkenalkan dalam Perak Sejahtera 2030 (Rajah 3) iaitu bekalan makanan, pemilikan rumah, peluang pekerjaan berkualiti, pembangunan modal insan dan belia serta kesihatan dan kesejahteraan. Namun, perhatian harus diberikan kepada program berkaitan peluang pekerjaan berkualiti (86.55%) dan pembangunan modal dan belia (88.69%) yang mungkin ditunggu-tunggu oleh masyarakat, tetapi kurang dilaksanakan mengikut kesesuaian masyarakat di DUN Ayer Kuning.




Rajah 3. Persepsi masyarakat DUN Ayer Kuning terhadap program Perak Sejahtera 2030.

Bagi projek yang harus diberi keutamaan pula, rata-rata masyarakat di DUN Ayer Kuning memberi sokongan terhadap projek-projek tersebut. Keutamaan yang disuarakan adalah projek yang menyediakan kemudahan pendidikan serta diikuti oleh projek yang menjana peluang pekerjaan, pemeliharaan alam sekitar dan berkaitan kemudahan kesihatan.

4.4 Sumber Maklumat Pilihanraya Masyarakat

Rajah 4 memaparkan sumber maklumat yang dirujuk oleh masyarakat DUN Ayer Kuning berkaitan pilihanraya kecil di kawasan mereka. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian yang dilaporkan dalam jurnal-jurnal akademik (Bab 2 laporan), di mana media sosial muncul sebagai medium perolehan maklumat utama (82.26%). Sumber media sosial merupakan sebuah *trending* pada masa kini kerana kemudahan untuk diakses, kecepatan dan keserasian dengan gaya hidup masa kini terutamanya untuk pengundi muda. Ia disusuli dengan sumber melalui radio (54.39%) dan laman sesawang (48.93%).

Menariknya, kaedah memberi maklumat kepada masyarakat melalui kempen parti juga masih dirujuk oleh sesetengah kumpulan masyarakat (30.60%) dan program Kerajaan atau parti (19.69%).



Rajah 4. Sumber maklumat berkaitan pilihan raya masyarakat.

4.5 Kesejahteraan Masyarakat dalam Aspek Politik

Jadual 2 memaparkan skor persetujuan responden tentang faktor-faktor yang menjadi panduan mereka dalam menentukan pilihan undi pada suatu pilihanraya. Parti yang bertanding muncul sebagai faktor paling utama apabila 96.69% responden yang ditemui memilih ia sebagai faktor yang diperhatikan. Ia disusuli dengan pengalaman kehidupan mereka di bawah sesuatu kerajaan (93.76%) dan diikuti dengan keberkesanan pentadbiran Kerajaan Negeri (91.23%) dan Kerajaan Persekutuan (91.03%). Dapatan ini menunjukkan, tiga faktor teratas yang menentukan pilihan undi masyarakat adalah keberkesanan tadbir urus kerajaan.


Jadual 2. Faktor penentu undi

Penentu Undi	Bilangan	Peratus (%)
1) Parti yang bertanding	496	96.69
2) Calon yang bertanding	445	86.74
3) Servis atau perkhidmatan yang diberikan oleh Ahli DUN	466	90.84
4) Wang atau bantuan yang disumbangkan oleh ahli atau parti politik	406	79.14
5) Keberkesanan pentadbiran Kerajaan Persekutuan	467	91.03
6) Keberkesanan pentadbiran Kerajaan Negeri	468	91.23
7) Maklumat yang diterima daripada media sosial di internet seperti Portal Berita, TikTok dan Facebook	450	87.72
8) Maklumat yang diterima daripada media cetak dan penyiaran seperti akhbar, TV dan Radio	457	89.03
9) Keadaan kehidupan semasa rakyat	481	93.76
10) Tidak akan mengundi kerana tidak berminat dengan politik	201	39.18

Faktor lain yang turut diperhatikan adalah servis atau perkhidmatan yang diberikan oleh Ahli DUN (90.84%) yang menggambarkan pentingnya servis atau perkhidmatan ini sampai kepada pihak masyarakat. Sedikit berbeza dengan beberapa dapatan kajian lampau, latar belakang calon bertanding berada pada kedudukan ke-8 (86.74%) faktor penting tetapi masih dianggap penentu oleh masyarakat. Seperkara yang mendapat perhatian kajian ini adalah hampir 40% responden menyatakan bahawa mereka tidak akan mengundi. Hal ini

mungkin disebabkan bahawa pilihanraya yang bakal mereka hadapi adalah pilihanraya kecil, dianggap tidak signifikan untuk merubah Kerajaan negeri walau apa pun dapatannya.

Bagi meneliti dengan jelas faktor-faktor penentu undi di Jadual 2, satu paparan perkaitan antara faktor-faktor penentu undi dan usia masyarakat disilangkan.



Rajah 5. Perkaitan antara faktor penentu undi dan usia masyarakat.

Ringkasan maklumat bagi Rajah 5 untuk tiga (3) faktor penentu undi terpenting adalah:

- Pengundi muda berusia 30 tahun dan ke bawah: parti politik yang bertanding, keadaan kehidupan semasa masyarakat dan keberkesanan pentadbiran Kerajaan Persekutuan.
- Pengundi berusia 31 tahun hingga 40 tahun: parti politik yang bertanding, keadaan kehidupan semasa masyarakat dan keberkesanan pentadbiran Kerajaan Negeri.

- Pengundi berusia 41 tahun hingga 50 tahun: parti yang bertanding, keadaan kehidupan semasa masyarakat dan servis atau perkhidmatan yang diberikan oleh ahli DUN.
- Pengundi 51 tahun hingga 60 tahun: keadaan kehidupan semasa masyarakat, parti politik yang bertanding dan keberkesanan pentadbiran Kerajaan Negeri.
- Pengundi berusia lebih 60 tahun: parti yang bertanding, calon yang bertanding dan servis atau perkhidmatan yang diberikan oleh ahli DUN.

Jelas bahawa keadaan kehidupan masyarakat menjadi batu ukuran kepada kepercayaan masyarakat untuk memilih, dan ia adalah berkait rapat dengan keberkesanan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

4.6 Kesejahteraan Masyarakat dalam Aspek Ekonomi

Data yang dikutip melalui kajian ini merekodkan 73.68% responden sebagai pernah menerima bantuan Kerajaan negeri Perak. Justeru, bahagian ini membincangkan kesejahteraan hidup masyarakat di DUN Ayer Kuning dari aspek ekonomi.

Selari dengan situasi semasa di Malaysia di mana isu harga barang sering dibangkitkan di media massa, kajian di Ayer Kuning juga menerima rungutan yang sama. 91.81% responden di Ayer Kuning menyatakan keterjejasan hidup mereka ekoran peningkatan harga barang keperluan. 90.64% juga menyatakan tentang terhadnya peluang pekerjaan yang disediakan untuk golongan belia atau graduan, dan ini adalah selari dengan dapatan di Bahagian 4.3 tentang keperluan untuk menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan dalam pelan Perak Sejahtera 2030. Bersangkutan dengan isu ini, 88.89% responden bersetuju bahawa peluang pekerjaan yang ditawarkan tidak menyediakan kerjaya berpendapatan tinggi.

Sungguhpun hampir 74% responden menerima bantuan Kerajaan Negeri Perak, namun pemerhatian mendapati bahawa 87.52% responden bersetuju bahawa sokongan kepada usahawan kecil adalah kurang efektif. Justeru, tidak dinafikan bahawa masyarakat di DUN Ayer Kuning memerlukan sokongan Kerajaan Negeri untuk terus membantu mereka terutamanya dalam perkembangan usahawan kecil dan sederhana (PKS).

Jadual 3. Persepsi Masyarakat Ayer Kuning terhadap tadbir urus berkaitan ekonomi.

Perkara	Bilangan	Peratus (%)
Harga barang keperluan harian semakin meningkat dan menjejaskan kos sara hidup.	471	91.81
Peluang pekerjaan untuk golongan belia atau graduan adalah terhad.	465	90.64
Peluang pekerjaan yang ada tidak menawarkan pendapatan yang tinggi.	456	88.89
Sokongan kepada usahawan kecil dan sederhana (PKS) kurang efektif dalam membantu ekonomi tempatan.	449	87.52
Pelaburan dan pembangunan ekonomi di DUN ini masih perlahan berbanding kawasan lain di Perak.	414	80.70
Subsidi dan kawalan harga barang keperluan oleh kerajaan kurang berkesan dalam membantu rakyat.	397	77.39
Sumbangan atau bantuan kewangan Kerajaan banyak meringankan beban hidup rakyat (e.g. Sumbangan Tunai Rahmah (STR), Bantuan MyKAD Madani).	400	77.97
Bantuan kerajaan yang saya terima membantu meringankan beban kewangan saya dan keluarga.	380	74.07
Bantuan kerajaan yang diberikan diagihkan secara adil kepada semua yang layak.	389	75.83
Bantuan kepada golongan pekebun kecil dan peniaga kecil perlu ditambah baik.	406	79.14

4.7 Kesejahteraan Masyarakat dalam Aspek Sosial

Bahagian ini berusaha mengenalpasti persepsi masyarakat terhadap keselamatan sosial DUN Ayer Kuning. Berdasarkan statistik yang dipaparkan, aspek sosial yang perlu diberi keutamaan oleh Kerajaan Negeri Perak terhadap DUN Ayer Kuning adalah

- (i) Akses kepada perkhidmatan kesihatan.
- (ii) Perpaduan antara kaum di DUN Ayer Kuning.
- (iii) Masalah kemiskinan.
- (iv) Akses kepada perumahan mampu milik.
- (v) Kadar jenayah yang dilihat semakin meningkat.

Jadual 4. Persepsi Masyarakat Ayer Kuning terhadap tadbir urus berkaitan sosial.

Perkara	Bilangan	Peratus (%)
Akses kepada perkhidmatan kesihatan di DUN ini masih perlu dipertingkatkan.	463	90.25
Kemudahan pendidikan di DUN ini adalah mencukupi untuk keperluan pelajar.	431	84.02
Perpaduan antara kaum di DUN ini semakin merosot dan perlu diperkuatkan.	433	84.41
Masalah kemiskinan masih menjadi isu utama dalam komuniti di DUN ini	438	85.38
Akses kepada perumahan mampu milik masih menjadi cabaran bagi penduduk tempatan.	448	87.33
Kadar jenayah di DUN ini semakin meningkat dan menjejaskan keselamatan penduduk.	411	80.12
Penyalahgunaan dadah dan alkohol dalam kalangan belia semakin berleluasa.	414	80.70
Gejala sosial dalam kalangan remaja seperti ponteng sekolah dan budaya hedonisme semakin meningkat.	413	80.51
Pengangguran dalam kalangan belia menyumbang kepada peningkatan masalah sosial di DUN ini.	449	87.52
Kualiti kemudahan awam dan kebersihan kawasan perumahan masih belum memuaskan.	427	83.24
Kerajaan negeri Perak telah mengambil langkah berkesan dalam menangani isu sosial di DUN ini	418	81.48
Kerajaan persekutuan menyediakan bantuan yang mencukupi dalam menangani masalah sosial di Perak.	411	80.12
Program kerajaan untuk meningkatkan perpaduan antara kaum di DUN ini adalah berkesan.	430	83.82
Usaha kerajaan dalam menangani masalah jenayah dan dadah adalah mencukupi.	408	79.53

Akses kesihatan adalah isu paling utama di kawasan ini memandangkan DUN Ayer Kuning memiliki komposisi masyarakat yang pelbagai. Selain itu, kemudahan kesihatan adalah antara kemudahan yang amat diperlukan oleh sesuatu kelompok masyarakat, terutamanya apabila banyak perumahan baharu dibuka. Komposisi penduduk berbilang bangsa di DUN ini juga menuntut agar lebih banyak program atau inisiatif strategik dilaksanakan untuk mengelakkan timbulnya isu-isu ketegangan antara kaum. Selari dengan pembentangan dalam bahagian-bahagian sebelum ini tentang keperluan ruang pekerjaan dan keadaan kehidupan semasa masyarakat, 85.38% kelompok masyarakat mendakwa masalah kemiskinan selalu menjadi isu sosial bagi penduduk di DUN ini.

Beberapa aspek sosial yang dianggap telah dilaksanakan dengan baik oleh Kerajaan Negeri Perak mahupun Kerajaan Persekutuan adalah:

- (i) Kemudahan pendidikan yang mencukupi.
- (ii) Tindakan atau langkah berkesan dalam menangani isu sosial di DUN Ayer Kuning oleh Kerajaan Negeri.
- (iii) Penyediaan bantuan yang mencukupi dalam menangani masalah sosial di Perak oleh Kerajaan Persekutuan.
- (iv) Pelaksanaan program kerajaan yang berkesan dalam meningkatkan perpaduan antara kaum di DUN Ayer Kuning.
- (v) Usaha kerajaan dalam menangani masalah jenayah dan dadah adalah mencukupi.

Dapatan ini memberi gambaran bahawa masyarakat di DUN Ayer Kuning adalah berpuashati dengan usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan. Walaubagaimanapun, mungkin terdapat beberapa keperluan khusus yang diperlukan

maju dan aman damai" menunjukkan aspirasi tinggi rakyat terhadap pembangunan ekonomi, pendidikan, dan infrastruktur negeri.

- Ramai responden menzahirkan harapan agar Perak terus membangun secara mampan, lestari dan berteraskan Islam.

(ii) Kepimpinan dan Pemerintahan

- Terdapat beberapa komen seperti "Perak dipimpin ulama", "Perak ditadbir PAS", dan "ulama pimpin kerajaan negeri", menunjukkan sokongan kepada kepimpinan berteraskan Islam, khususnya PAS/PN.
- Namun begitu, terdapat juga kebimbangan tentang isu perkauman dan politik perpecahan, seperti:
 - "Isu perkauman perlu dikawal"
 - "*PN racism issues affected my vote*"
 - "*Please tell opposition leader Razman stop race issue*"
 - "*Chinese residents very hate*"

(iii) Kehidupan Sejahtera dan Aman

- Ramai menyuarakan aspirasi terhadap kehidupan yang aman, damai dan harmoni dengan kata kunci seperti "*peace*", "aman sejahtera", "negeri bersih, hijau dan lestari", "tiada sampah", serta "keharmonian dan perpaduan".


(iv) Pendidikan dan Anak Muda

- Keprihatinan jelas ditunjukkan dalam aspek pendidikan dan pembangunan belia, contohnya: "Pendidikan dan pembangunan belia", "Mengutamakan pendidikan keagamaan dan sahsiah" dan "Harap pelajar di institusi di Perak mendapat bantuan"

(v) Kritikan dan Harapan kepada Pemerintah

- Beberapa menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap kronisme dan kelemahan pentadbiran:
 - "No more kroni"
 - "Pihak berkuasa jangan lalai"
 - "Tukar kerajaan"

Suara masyarakat di DUN Ayer Kuning adalah lebih terserlah pada pilihan raya kecil, tetapi masih konsisten berbanding dapatan yang diperolehi daripada kajian Denyut Nadi Perak Sejahtera 2030. Rajah 7 memaparkan kata kunci yang telah diekstrak daripada maklum balas responden di DUN yang sama. Pada rajah ini, aspirasi masyarakat di DUN Ayer Kuning pada ketika kajian tersebut dilaksanakan adalah untuk mempunyai kehidupan yang aman, namun dalam kajian ini, aspirasi mereka turut mengesan suara-suara yang mahukan kesejahteraan dan bebas rasuah.



Rajah 7. *Word cloud* daripada kajian Denyut Nadi Perak Sejahtera 2030.

Berdasarkan hasil analisis data yang telah dibentangkan disepanjang bab ini, satu matriks SWOT dibentuk untuk mengecam kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman terhadap Kerajaan Negeri Perak di DUN Ayer Kuning.

Jadual 5. Matriks SWOT

	<i>Strength</i> (Kekuatan) • Peratus undi popular memihak kepada Barisan Nasional. • Lebih 80% responden memberi petunjuk sokongan positif kepada Perdana Menteri, Menteri Besar Perak dan mantan ahli DUN. • Lebih 80% menyokong Kerajaan Perpaduan.	<i>Weakness</i> (Kelemahan) • Lebih 80% responden menyatakan bahawa kemiskinan adalah isu utama di DUN Ayer Kuning. • Isu kemudahan awam yang kurang memuaskan terutamanya jalan raya yang kerap dibangkitkan oleh rakyat.
<i>Opportunity</i> (Peluang) • Radio, laman sesawang dan kempen parti merupakan peluang yang turut diperhati oleh pengundi. • JPKKK mempunyai opsyen bantuan dari Kerajaan Pusat menerusi program khas seperti UniMADANI dan SEJATI@MADANI.	Strategi S-O:	Strategi W-O: • Melatih JPKKK untuk menghasilkan idea bagi meningkatkan pendapatan masyarakat melalui program khas, dengan kerjasama institusi pengajian sekitar.
<i>Threat</i> (Ancaman) • Peratusan responden memberi bayangan tidak keluar mengundi.	Strategi S-T: • Meningkatkan usaha memujuk masyarakat untuk keluar mengundi.	Strategi W-T: • Bekerjasama dengan agensi seperti Grab atau Persatuan Teksi untuk menyediakan kemudahan kepada masyarakat.

5.0 HASIL ANALISIS (PASCA PILIHAN RAYA)

5.1 Keputusan PRK Ayer Kuning pada 26 April 2025


Calon Barisan Nasional (BN) Dr. Mohamad Yusri Bakir menang dengan mengalahkan calon daripada Perikatan Nasional (PN) Abdul Muhaimin Malek dan Parti Sosialis Malaysia (PSM) Bawani K.S. Secara umumnya BN memenangi undi majoriti sebanyak 5,006 undi setelah 67 saluran peti undi dibuka dan dikira. BN menang 59 berbanding 67 saluran peti undi.

Kemenangan ini terhasil daripada jumlah keluar mengundi sebanyak 58.07% bersamaan 18,522 pengundi di Ayer Kuning yang keluar mengundi daripada jumlah keseluruhan pengundi pendaftar sebanyak 31,897 pengundi. Jumlah keluar mengundi semasa Pilihan Raya Umum Ke 15 (PRU15) lebih tinggi iaitu sebanyak 78.47%. Jumlah keluar mengundi yang rendah telah dijangkakan kerana minat terhadap mengundi ketika PRK adalah rendah berbanding semasa PRU15 yang akan beri kesan kepada kedudukan pembentukan kerajaan negeri. PRK kali ini tiada kesan kepada kerajaan negeri Perak pimpinan Kerajaan Perpaduan kerana melibatkan hanya satu kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN).

Jadual 6. Peratusan keluar mengundi mengikut saluran

Saluran	Bilangan	Peratus
1	5,262	28.57%
2	5,277	28.65%
3	3,523	19.13%
4	2,338	12.69%
5	941	5.11%
6	687	3.73%
7	389	2.11%

Peratus keluar mengundi adalah hampir sama di kelompok penempatan masyarakat dengan peratus keluar mengundi sekitar 50%, kecuali kawasan penempatan 90% Melayu yang menunjukkan penglibatan ramai masyarakat untuk keluar mengundi.




Nota: PDM Melayu Pekat (>90%), Melayu (>65)

Rajah 8. Peratus keluar mengundi mengikut kelompok komposisi kaum

Jadual di bawah menyilangkan maklumat peratusan penduduk keluar mengundi mengikut saluran dan kawasan dengan komposisi kaum. Kelihatan jelas bahawa pengundi bukan Melayu (terutamanya Cina) kurang keluar mengundi.

Jadual 7. Peratusan keluar mengundi mengikut saluran dan kaum

Saluran	Komposisi Kaum			
	Cina	Campuran	Melayu	Melayu Pekat
1	9.18%	10.89%	27.50%	52.43%
2	10.40%	10.56%	28.22%	50.82%
3	9.48%	18.45%	35.59%	36.47%
4	6.42%	10.95%	39.73%	42.90%
5			66.63%	33.37%
6			47.02%	52.98%
7			100.00%	
Total	8.23%	11.06%	35.07%	45.65%



Rajah 9. Peratus keluar mengundi mengikut saluran

Jumlah undi yang diperolehi oleh BN pada PRK kali ini ialah 11,083 undi iaitu 60.7% undi keseluruhan. Ini adalah satu peningkatan berbanding sebanyak 9,088 undi atau 38.73% pada PRU15 lalu. Peningkatan ini disebabkan pertembungan dominasi 2 penjuror antara parti gabungan BN dan PN. Calon PSM adalah parti kecil yang tidak mampu bersaing dengan parti gabungan besar. Kemenangan calon BN juga dibantu oleh pengundi PH yang memberikan sokongan kepada calon BN sebagai gabungan daripada kerajaan perpaduan.

Jadual 8. Pecahan pemenang mengikut Pusat Daerah Mengundi (PDM) pada PRU 15

BN (6)	PH(6)	PN(8)
1. Kampung Sungai Kurong, 2. Banir, 3. Tapah Road Utara, 4. Pekan Getah, 5. Kampung Simpang Tiga, dan 6. Kampung Rahmat.	1. Sungai Keroh, 2. Banir Utara, 3. Ayer Kuning, 4. Ayer Kuning Selatan, 5. Kampung Raya, dan 6. Kampung Coldstream.	1. Temoh Stesyen, 2. Sungai Lesong, 3. Kampung Batu Mesjid, 4. Kampung Batu Tiga, 5. Tanjong Keramat, 6. Changkat Petai, 7. Tapah Road Timor, dan 8. Jeram Mengkuang.

Apa yang signifikan pada PRK Ayer Kuning kali ini, BN memenangi semua kawasan PDM kecuali Tanjong Keramat yang masih dimenangi oleh PN. Ini satu kemenangan yang menarik kerana berjaya merampas hampir semua kawasan yang sebelum ini dimenangi oleh PAS atau PN semasa PRU15. Melihat kepada faktor pengundi Melayu pula, PDM yang mempunyai jumlah pengundi Melayu dan bukan Melayu adalah seperti berikut:

Berikut pecahan majoriti kaum di setiap PDM:

Majoriti Melayu (>90%):

1. Temoh Stesyen
2. Sungai Lesong
3. Kampung Sungai Kurong
4. Kampung Batu Mesjid
5. Kampung Batu Tiga
6. Banir
7. Tanjong Keramat
8. Changkat Petai
9. Tapah Road Timor

Majoriti Melayu (>65%):

1. Tapah Road Utara
2. Kampung Raya
3. Pekan Getah
4. Kampung Simpang Tiga
5. Kampung Rahmat

Campuran Kaum:

1. Sungai Keroh
2. Ayer Kuning

Majoriti Cina:

1. Ayer Kuning Selatan
2. Banir Utara
3. Kampung Coldstream


Rajah 10. Pecahan pengundi mengikut majoriti kaum

Berdasarkan analisis pengundi Melayu, jelas menunjukkan bahawa BN berjaya menarik jumlah pengundi Melayu menyokong semula mereka. BN memperolehi hampir 9,000 undi pengundi Melayu berbanding dalam 5,500 undi pengundi Melayu yang diperolehi PN. Ini menunjukkan bahawa hampir 60-62% pengundi Melayu (termasuk Orang Asli) memberikan sokongan kepada BN.

Jadual di bawah memaparkan perbezaan undi terhadap dua parti iaitu PN dan PSM berbanding BN. Nilai negatif (-) menunjukkan bahawa opsyen adalah terhadap BN berbanding parti yang diperhatikan. Lebih besar nilai peratus (dengan mengabaikan tanda negatif) bermakna jurang memilih BN (*favour towards BN*) adalah lebih tinggi. Bagi memudahkan pemerhatian, boleh rujuk rajah yang disertakan.

Jadual 9. Perbezaan undi mengikut Parti PN dan PSM berbanding BH

	Cina	Campuran	Melayu	Melayu Pekat
Pemilih	3,285	3,789	12,176	12,065
Undi Keluar	1,516	2,036	6,458	8,407
% Undi Keluar	46.15%	53.73%	53.04%	69.68%
Undi				
BN	1,207	1,388	3,821	4,649
PN	76	503	2,050	3,430
PSM	212	208	475	211
Opsyen Undi berbanding BN				
PN	-93.70%	-63.76%	-46.35%	-26.22%
PSM	-82.44%	-85.01%	-87.57%	-95.46%



Rajah 11. Perbandingan Peningkatan dan Pengurangan Undi

Warna biru (menyebelahi PN berbanding BN) makin berkurang jika kita baca dari kanan ke kiri, iaitu dari Kawasan pekat Melayu ke majoriti Cina. Maksudnya, Cina tidak memilih PN, manakala bagi kawasan di mana Melayu adalah ramai, terlihat jelas ada sokongan banyak kepada PN

meskipun peningkatan jumlah Melayu menyokong BN. Warna oren (memihak kepada PSM berbanding BN) iaitu makin bertambah jika kita baca dari kanan ke kiri. Maknanya, kawasan majoriti Melayu tidak menyokong kepada calon bukan Melayu, PSM dapat undi dari Kawasan campuran dan majoriti Cina.

Kiraan ini juga berdasarkan bahawa jumlah keluar pengundi yang rendah di kalangan pengundi Cina iaitu sebanyak 35% yang mana majoriti besarnya sebelum ini menyokong PH telah memberikan undi mereka kepada BN. Kejatuhan peratusan pengundian kaum Cina ini telah dijangkakan kerana majoriti mereka tinggal di luar kawasan dan mengambil keputusan untuk tidak pulang mengundi kali ini kerana keputusan di Ayer Kuning tidak memberi kesan kepada kedudukan Kerajaan Perpaduan di Perak.

PN hanya memperolehi 6,059 undi (33%) pada PRK kali ini, tidak jauh berbeza dengan jumlah yang mereka perolehi semasa PRU15 sebanyak 6,812 (29%) undi. Kemerosotan sedikit undi sebanyak 752 adalah kerana sebahagian pengundi PN mengambil keputusan untuk tidak keluar mengundi selari dengan kejatuhan jumlah keluar mengundi keseluruhan, namun dari segi peratusan meningkat 4%. Jelas terdapat corak pengundian yang sama semasa PRK Nenggiri dan Mahkota yang mana undi PN merosot sedikit namun hampir statik mengekalkan tahap jumlah undi semasa PRU15. Jelas sekali, pengundi yang mengundi PN semasa PRU15 yang lalu, kekal mengundi PN pada PRK Ayer Kuning ini.

Calon PSM pula meningkat undinya iaitu 1,106 (6%) semasa PRK berbanding PRU15 berjumlah 586 (2.5%). Peningkatan sebanyak 520 undi ini berlaku kerana terdapatnya peralihan sokongan sebahagian pengundi India yang sebelum ini menyokong PH beralih arah menyokong PSM. Jumlah keluar mengundi pengundi India pada PRK kali ini adalah sebanyak 53%.

5.2 Faktor Kemenangan BN

Terdapat beberapa faktor kemenangan BN dan kekalahan kepada PN dan PSM antaranya ialah berlakunya kerjasama yang erat antara BN dan PH di dalam kerajaan Perpaduan Perak. Jentera perpaduan yang bergerak seiringan telah berjaya memenangkan calon BN termasuklah menggunakan media traditional dan baharu khususnya media sosial secara efektif. Kempen dari rumah ke rumah dan ceramah berkelompok dilihat sangat efektif memenangkan calon BN

berbanding kempen secara ceramah umum yang kurang dilaksanakan semasa PRK kali ini berbanding semasa PRU15.

Calon BN yang berpendidikan tinggi dan merupakan calon tempatan membantu BN untuk menang. Beliau dikenali di kawasan beliau sangat membantu semasa kempen dijalankan. Populariti Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Besar Perak Datuk Seri Saarani Mohamad juga membantu kemenangan BN di Ayer Kuning. Ini dibuktikan di dalam kajian yang saya bersama rakan-rakan daripada Universiti Utara Malaysia lakukan. Datuk Seri Saarani juga agresif berkempen di Ayer Kuning. Kejayaan di Ayer Kuning juga adalah cerminan kepada sokongan rakyat kepada dasar Malaysia Madani dan Perak Sejahtera 2030 yang dibawa dan direncanakan oleh kedua-dua tokoh tersebut.

Pengundi Melayu dan muda telah beralih sokongan kepada BN kerana faktor kerajaan negeri Perak yang berjaya meyakinkan pengundi untuk memberi peluang kepada BN untuk terus membantu rakyat. Faktor incumbency iaitu BN sebagai pemenang di kawasan Ayer Kuning sebelum ini juga memberikan kelebihan kepada BN. Isu sosio-ekonomi yang bertambah baik di bawah pentadbiran Kerajaan Perpaduan memberi kelebihan dan keyakinan kepada rakyat menyokong kepada BN. Selain itu, BN juga berjaya menangkis banyak serangan isu daripada pihak PN di Ayer Kuning ini.

PAS atau PN tidak mampu menarik sokongan rakyat khususnya pengundi Cina dan India. Tiada isu utama yang dimainkan kecuali isu tempatan seperti penternakan babi, isu agama seperti wajib mengundi berbanding mengerjakan umrah dan haji, dan isu ekonomi seperti harga barang mahal. Namun, isu-isu ini gagal menarik sokongan rakyat kepada PN kecuali kepada penyokong tegar mereka di Ayer Kuning. BN juga mempertikaikan isu tauliah yang dimiliki calon PN. Secara umumnya, tiada tawaran baharu yang dibawa oleh PN yang membolehkan rakyat berubah arah menolak BN dan menyokong PN.


Pengundi India terpengaruh dengan dakwah PSM yang cuba membela masyarakat ini dan melihat BN seperti tidak membela mereka. Ini menyebabkan peningkatan sokongan pengundi India kepada PSM. Namun, pengundian masyarakat India kepada PSM lebih kepada faktor calon PSM yang berbangsa India dan merupakan calon tempatan yang pernah bertanding sebelum ini di

Ayer Kuning. BN dan PH dilihat harus berusaha kuat selepas ini untuk meyakinkan pengundi India untuk kembali menyokong Kerajaan Perpaduan.

Pengundi di kalangan Orang Asli yang berjumlah 7% keseluruhan pengundi jelas memberikan undi mereka kepada BN. Penduduk Orang Asli di Kampung Sungai Kurung misalnya yang mempunyai 38 keluarga jelas memberikan dokongan mereka secara tradisi kepada BN.

(i) Sokongan Pengundi Muda kepada BN

Berlakunya sokongan pengundi muda kepada BN namun ini lebih terlihat kepada perpindahan sokongan pengundi muda daripada PH kepada BN. Statistik di bawah menunjukkan sokongan BN di semua saluran meningkat dan mendahului PN namun jarak bagi pengundi baru saluran 6 dan 7 memperlihatkan ada juga sokongan signifikan pengundi muda kepada PN.



Rajah 12. Pilihan Parti Mengikut Saluran

Nota: Jarak meluas daripada Saluran 1 kepada yang lagi kecil ke Saluran 7 antara BN dan PN.

Secara umum pengundi muda pula tidak menyatakan secara spesifik reaksi mereka tentang kempen melampau. Tapi, jika kita lihat respons mereka, ia lebih umum dengan pengelompokkan seperti berikut:

Persepsi pengundi 18 – 30 tahun

Pengundi muda Ayer Kuning menginginkan sebuah kerajaan yang maju secara menyeluruh – berteraskan Islam, lestari, peluang adil untuk belia, aman, dan bebas daripada gejala sosial. Mereka juga menunjukkan keprihatinan terhadap infrastruktur dan kepimpinan yang berintegriti.

1. Aspirasi Kemajuan dan Kemakmuran

Tanggapan paling konsisten ialah hasrat agar Negeri Perak terus maju:

- Istilah seperti "Perak maju", "maju jaya", "terus maju dan aman damai", dan "majukan Perak" menunjukkan optimisme terhadap masa depan negeri.
- Keinginan agar kemajuan merangkumi aspek ekonomi, pendidikan dan peluang belia sangat ketara.

2. Fokus kepada Belia, Pendidikan & Peluang Kerjaya

Terdapat sentimen kuat agar anak muda mendapat lebih banyak ruang, kemahiran dan peluang pekerjaan. Penekanan kepada: “Pendidikan dan pembangunan belia”, “Pelajar perlu lebih bantuan dan sumbangan”, “Peluang kerja dan kemahiran orang muda”

3. Kepimpinan Islamik dan Nilai Murni

Ramai menyokong Perak yang dipimpin ulama dan berpaksikan nilai Islam. Ini berdasarkan penggunaan istilah seperti “Hidup Islam”, “Ulama pimpin kerajaan negeri”, “mengutamakan pendidikan keagamaan dan sahsiah”. Harapan agar Perak melahirkan insan berdisiplin dan amanah.

4. Negeri Bersih, Lestari dan Sejahtera

Mahu Perak menjadi negeri yang “bersih, hijau dan lestari”, “tiada sampah”, “sejahtera”, “selamat dan bahagia”. Ini menunjukkan kesedaran terhadap kelestarian alam dan kualiti hidup.

5. Infrastruktur & Kemudahan Awam

- Keluhan tentang jalan raya dan keperluan pembaikan:
- “Jalan Tapah dulu”, “Perbaiki jalan”, “kurangkan bonggol”, “jalan raya yang baik”
- Permintaan terhadap pengangkutan awam lebih baik juga timbul.

6. Harapan Sosial dan Integriti

Anak muda mahukan Perak yang “bebas rasuah”, “bebas dadah”, “bebas seks”, “bebas rokok”, “tiada kelab malam”. Ini menunjukkan golongan muda mahukan negeri aman, bersatu padu, dan berintegriti tinggi.

7. Identiti Progresif dan Inklusif

Beberapa pandangan luas menyebut tentang “Perak perlu jadi negeri progresif, inklusif, kaya budaya dan alam”, “Rakyat yang sejahtera”, “semangat Malaysia MADANI

Secara keseluruhannya terdapat dalam 28 saluran anak muda/pengundi baru (undi 18) yang mana 22 memihak kepada BN dan 6 kepada PN seperti yang ditunjukkan pada rajah di bawah.

MAJORITY MELAYU >90%				MAJORITY MELAYU >65%				CAMPURAN KAUM				MAJORITY CINA				LAIN2			
BN PN PSM				BN PN PSM				BN PN PSM				BN PN PSM				BN PN PSM			
TANJONG KERAMAT				TAPAH ROAD UTARA				AYER KUNING				AYER KUNING SELATAN				POS			
1	160	117	0	1	160	58	19	1	195	45	32	1	203	6	41	1	77	28	3
2	107	161	1	2	146	98	31	2	157	58	60	2	143	25	66				
3	113	176	0	3	161	147	19	3	207	90	46								
				4	147	139	21	4	206	97	50								
TAPAH ROAD TIMOR				PEKAN GETAH				SUNGAI KEROH				BANDAR				KAMPONG RAYA			
1	130	88	6	1	162	38	21	1	222	50	11	1	125	71	3	1	91	59	19
2	110	133	4	2	188	85	14	2	204	63	5	2	70	9	14				
				3	176	75	5	3	197	100	4	3	89	13	25				
TEMOH STESYEN				KAMPONG RAHMAT				KAMPONG COLDSTREAM				PENGUNDIAN AWAL (AYER KUNING)							
1	128	70	2	1	220	49	35	1	200	9	18	1	202	36	3				
2	167	144	0	2	204	89	53	2	184	8	20	2	187	27	2				
SUNGAI LESONG/KAMPONG SG KURONG				KAMPONG SIMPANG TIGA															
1	217	93	8	1	340	106	25												
2	198	131	8	2	359	143	55												
3	149	130	5	3	379	218	55												
4	196	134	3	4	398	219	38												
5	209	92	15	5	357	231	84												
6	220	134	8	6	176	129	17												
KAMPONG BATU MESJID				7	201	170	14												
1	194	122	5																
2	190	170	3																
KAMPONG BATU TIGA																			
1	174	90	26																
2	153	144	9																
3	188	165	9																
4	164	106	13																
CHANGKAT PETAI																			
1	188	113	18																
2	164	153	21																
3	160	161	12																
4	149	166	11																
JERAM MENGKUANG																			
1	125	73	1																
2	116	111	12																

Rajah 13. Pilihan parti mengikut saluran anak muda / pengundi baharu

Nota: Warna Biru merujuk kepada BN dan warna Hijau merujuk kepada PN yang dikira sebagai mengundi di saluran anak muda.

Beza undi anak muda PN kepada BN pada 6 saluran tersebut paling maksimum 25% (Tanjung Keramat- PDM yang satu-satunya PN menang) manakala lagi 5 dalam julat 1%-9%.

(ii) Kempen PN Yang Melampau

Selepas melihat data, kempen babi dan maki hamun PN hanya memberi kesan kepada pengundi bukan Melayu yang memberikan sokongan kepada BN tetapi kurang kesan pada pengundi Melayu. Namun, ada kesan kepada pengundi PDM Tanjung Rahmat yg dimenangi PN kerana pengundi terkesan dakwah PN dengan isu babi. Pengundi BN lebih memberi perhatian kepada sentimen yang dinyatakan seperti:

1. Mahupun negeri yang maju dan aman,
2. Ada peluang pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi yang baik,
3. Tiada masalah sosial,
4. Tiada masalah integriti.

Ini bermakna kempen melampau yang ada pada mereka adalah muncul sekali-sekala tidak mengganggu tumpuan pengundi. Sebaliknya elemen kelestarian dan kelangsungan hidup itu lebih penting. Paling banyak dinyatakan adalah peluang pekerjaan dan pemulihan ekonomi.

Hasil dapatan juga menjumpa yang Pengundi Bukan Melayu terkesan dengan kempen PN seperti:

1. Isu perkauman perlu dikawal
2. Perak maju.. Sy undi bn sbb pn suka main isu kaum
3. PN racism issues affected my vote for PN
4. perak move foward, no to race issue
5. Perak aman makmur berbilang kaum aman. kerajaan bantu kaum muda india aman. kerajaan kena bantu orang muda india

Secara keseluruhannya, kempen 3R PN memakan diri yang menyebabkan pengundi bukan Melayu memberikan undi kepada BN. Namun, kempen ini juga agak kurang berkesan juga kepada pengundi Melayu kecuali mungkin pengundi tegar BN dan PN.

6.0 RUMUSAN

Secara umumnya, kajian ini memberikan gambaran kemenangan yang selesa kepada calon Barisan Nasional (BN) mewakili Kerajaan Perpaduan kerana pelbagai faktor khususnya penerimaan kepada kepimpinan pemimpin utama Kerajaan Perpaduan di Persekutuan dan Perak selain penerimaan yang tinggi ke atas dasar-dasar kerajaan yang dilaksanakan. Keputusan PRK Ayer Kuning pada 26 April 2025 jelas sekali menunjukkan calon BN Dr. Mohamad Yusri Bakir menang dengan mengalahkan calon daripada Perikatan Nasional (PN) Abdul Muhaimin Malek dan Parti Sosialis Malaysia (PSM) Bawani K.S. Secara umumnya BN memenangi undi majoriti sebanyak 5,006 undi setelah 67 saluran peti undi dibuka dan dikira. BN menang 59 berbanding 67 saluran peti undi.

Kemenangan ini terhasil daripada jumlah keluar mengundi sebanyak 58.07% bersamaan 18,522 pengundi di Ayer Kuning yang keluar mengundi daripada jumlah keseluruhan pengundi pendaftar sebanyak 31,897 pengundi. Jumlah keluar mengundi semasa Pilihan Raya Umum Ke 15 (PRU15) lebih tinggi iaitu sebanyak 78.47%. Jumlah keluar mengundi yang rendah telah dijangkakan kerana minat terhadap mengundi ketika PRK adalah rendah berbanding semasa PRU15 yang akan beri kesan kepada kedudukan pembentukan kerajaan negeri. PRK kali ini tiada kesan kepada kerajaan negeri Perak pimpinan Kerajaan Perpaduan kerana melibatkan hanya satu kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN).



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA
Bil. 12 / 2025

KEPUTUSAN PILIHAN RAYA KECIL (PRK)
DEWAN NEGERI N.48 AYER KUNING, PERAK

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan bahawa keputusan PRK Dewan Negeri N.48 Ayer Kuning, Perak telah dimenangi oleh DR. USTAZ YUSRI BAKIR, calon dari BARISAN NASIONAL dengan 11,065 undi dan majoriti sebanyak 5,006 undi. Manakala peratus keluar mengundi adalah sebanyak 58.07%.
2. Untuk keterangan lanjut berkenaan keputusan PRK Dewan Negeri N.48 Ayer Kuning, Perak sila layari <https://dashboard.spr.gov.my/>.

Sekian, harap maklum.

DATO' SRI RAMLAN BIN DATO' HARUN
Pengerusi
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia
26 April 2025 / 27 Syawal 1446H

1



7.0 RUJUKAN

- Ismail, I., & Mohamed Noor, M. N. (2023, November 29). Calon dan Manifesto dalam Pilihan Raya di Malaysia: Pengaruh dan Cabaran dalam Politik Kontemporari. *Jurnal Wacana Sarjana*, 7(5), 1-20. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/567>
- Mohd Nizah, M. A., & Abu Bakar, A. R. . (2024). Persepsi Pengundi Muda Terhadap Memes Politik, Undi18 dan Isu-isu 3R pasca Pilihan Raya Umum 15 : Perception of the Young Voters on Political Memes, Undi18 and 3R issues in the post 15th General Election. *Sains Insani*, 9(1), 56–61. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol9no1.605>

- Mohd Sani, Mohd Azizuddin & Kasim, Azahar. "2 Malay Politics and Social Media in Malaysia". *Social Media and Political Communities in Malaysia*, disunting oleh James Chin and Pauline Pooi Yin Leong, Singapore: ISEAS Publishing, 2024, pp. 54-90. <https://doi.org/10.1355/9789815203165-004>
- Mohd Zulkifli & Mohd Amirul Akhbar. (2021). Pilihan raya umum ke-14, kewartawanan pemertikaian dan berakhirnya hegemoni barisan nasional. *Forum Komunikasi (FK)*, 16 (1): 32. pp. 92-123. ISSN 0128-2379
- Nik Hairi Omar, Arina Che kasim & Jamiah Manap. (2024). Pola sikap dan sokongan pengundi muda (Undi-18) terhadap integriti calon dan parti dalam Pilihanraya Umum 15 (PRU15). *Journal of Social Sciences and Humanities*, 21 (3), pp. 518 – 532. DOI: <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2103.40>
- Junaidi, A. B. (2025). Kebangkitan Barisan Nasional melalui pendekatan politik pembangunan dalam pilihanraya kecil kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Nenggiri, Kelantan, Malaysia. *E-Bangi Journal*, 2291), pp. 371 – 464. DOI: <https://www.10.17576/ebangi.2025.2201.30>
- Mohd Ezril Mohd, Ku Hasnita Ku Samsu & Norbaya Ahmad. (2018). Youth political dependency in social media and its influence on the Kajang State Essembly in Selangor. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 19, pp. 69-88.

Lampiran A – Set Soalan Kajian

BAHAGIAN A: DEMOGRAFI

- 1) *E-mel:
- 2) *Akaun Facebook:
- 3) *Akaun Instagram:
- 4) Nama Jabatan/Institusi/Sekolah:
- 5) Jantina:
 - a) Lelaki
 - b) Perempuan
- 6) Umur:
 - a) 18-30 tahun
 - b) 31-40 tahun
 - c) 41-50 tahun
 - d) 51-60 tahun
 - e) 60 tahun dan ke atas
- 7) Agama
 - a) Islam
 - b) Buddha
 - c) Hindu
 - d) Kristian
 - e) Lain-lain
- 8) Status Perkahwinan
 - a) Bujang
 - b) Berkahwin
 - c) Balu/Duda
 - d) Berceraai/Berpisah
- 9) Menetap di Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Kuning
 - a) Ya
 - b) Tidak
- 10) Mengundi di Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Kuning
 - a) Ya
 - b) Tidak
- 11) Tempoh menetap di negeri Perak
 - a) Kurang dari setahun
 - b) 1 tahun - 5 tahun
 - c) 6 tahun - 10 tahun
 - d) Melebihi 10 tahun
- 12) Tempoh menetap di Ayer Kuning

- a) Kurang dari setahun
- b) 1 tahun - 5 tahun
- c) 6 tahun - 10 tahun
- d) Melebihi 10 tahun

13) Pekerjaan

- a) Tidak Bekerja
- b) Pelajar
- c) Kerajaan
- d) Swasta
- e) Perusahaan / Perniagaan
- f) Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)
- g) Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)

14) Taraf Pendidikan

- a) Tidak Bersekolah
- b) Sekolah Rendah
- c) Sekolah Menengah
- d) Sijil / Kemahiran
- e) Diploma
- f) Ijazah Sarjana Muda
- g) Ijazah Sarjana
- h) Doktor Falsafah

15) Pendapatan Isi Rumah Bulanan (Pendapatan semua ahli keluarga dalam satu rumah)

- a) Bawah RM1,084
- b) RM1,085 - RM2,297
- c) RM2,298 - RM3,790
- d) RM3,791-RM7,919
- e) Melebihi RM7,920

BAHAGIAN B - ASPIRASI MASYARAKAT TERHADAP KERAJAAN

Sila nyatakan tahap persetujuan anda terhadap kenyataan berikut dengan menggunakan skala 1 hingga 5:

(1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Neutral, 4 = Setuju, 5 = Sangat Setuju)

Item	Skala				
	1	2	3	4	5
1) Saya berpuas hati dengan pentadbiran negara di bawah pimpinan YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia					
2) Saya berpuas hati dengan pentadbiran negeri di bawah pimpinan YAB Dato' Seri Saarani Mohamad, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan					
3) Saya berpuas hati dengan pencapaian perkhidmatan Ahli Dewan Undangan Negeri di kawasan tempat saya mengundi					
4) Dasar-dasar kerajaan negeri Perak memberi manfaat kepada saya.					
5) Saya akan terus menyokong Kerajaan Perpaduan yang memerintah dalam pilihan raya akan datang.					

Sila nyatakan tahap persetujuan anda terhadap kenyataan berikut dengan menggunakan skala 1 hingga 5:

(1 = Sangat Tidak Bermanfaat, 2 = Tidak Bermanfaat, 3 = Neutral, 4 = Bermanfaat, 5 = Sangat Bermanfaat)
Persepsi terhadap program/projek/inisiatif di bawah Perak Sejahtera 2030

Program	Skala				
	1	2	3	4	5
1) Bekalan Makanan Mencukupi					
2) Pemilikan Rumah					
3) Peluang Pekerjaan Berkualiti					
4) Pembangunan Modal Insan dan Belia					
5) Kesihatan dan Kesejahteraan					

Sila nyatakan tahap persetujuan anda terhadap kenyataan berikut dengan menggunakan skala 1 hingga 5:

(1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Neutral, 4 = Setuju, 5 = Sangat Setuju)

Bagi merealisasikan Perak Sejahtera 2030, Kerajaan Negeri perlu memberi keutamaan kepada

Perkara	Skala				
	1	2	3	4	5
1) Menyediakan peluang pekerjaan yang banyak dan berpendapatan tinggi					
2) Menyediakan perumahan yang selamat dan kondusif					
3) Menyediakan kemudahan masyarakat yang mencukupi dan mudah diakses					
4) Memastikan kualiti alam sekitar terpelihara dan dilindungi					
5) Tadbir urus kerajaan negeri yang telus dan berintegriti					
6) Meningkatkan potensi dan aktiviti berkaitan pelancongan					
7) Meningkatkan kualiti penyediaan kemudahan kesihatan					
8) Meningkatkan kualiti penyediaan kemudahan pendidikan					

Aspirasi saya untuk negeri Perak adalah seperti yang berikut:

(*) Sekiranya Pilihan Raya Kecil (PRK) diadakan hari ini, saya akan mengundi parti

- a) Barisan Nasional
- b) Perikatan Nasional
- c) Lain-lain parti politik
- d) Calon Bebas

Jika pilihan jawapan anda adalah "lain-lain parti politik", apakah parti politik itu?

BAHAGIAN C - KESEJAHTERAAN MASYARAKAT (POLITIK)

Saya tahu mengenai Pilihanraya Kecil Ayer Kuning melalui
(Boleh tanda lebih dari satu (1) pilihan)

a) Media Sosial	
b) Radio	
c) Laman Sesawang	
d) Portal Berita	
e) Surat Khabar	
f) Program Kerajaan/Parti	
g) Manifesto Parti	
h) Kempen Parti	
i) Khabar Angin	
j) Lain-lain: (nyatakan)	

Apakah penentu kepada keputusan undian anda dalam Pilihan Raya di kawasan tempat anda mengundi?

Perkara	Ya	Tidak
11) Parti yang bertanding		
12) Calon yang bertanding		
13) Servis atau perkhidmatan yang diberikan oleh Ahli DUN		
14) Wang atau bantuan yang disumbangkan oleh ahli atau parti politik		
15) Keberkesanan pentadbiran Kerajaan Persekutuan		
16) Keberkesanan pentadbiran Kerajaan Negeri		
17) Maklumat yang diterima daripada media sosial di internet seperti Portal Berita, TikTok dan Facebook		
18) Maklumat yang diterima daripada media cetak dan penyiaran seperti akhbar, TV dan Radio		
19) Keadaan kehidupan semasa rakyat		
20) Tidak akan mengundi kerana tidak berminat dengan politik		

21) Lain-lain (sila nyatakan)	
-------------------------------	--

Sejauh mana anda bersetuju bahawa isu berikut penting dalam menentukan pilihan anda dalam Pilihan Raya di kawasan anda mengundi.

Sila nyatakan tahap persetujuan anda terhadap kenyataan berikut dengan menggunakan skala 1 hingga 5:

(1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Neutral, 4 = Setuju, 5 = Sangat Setuju)

Perkara	Skala				
	1	2	3	4	5
1) Kos sara hidup dan harga barangan keperluan					
2) Pembangunan ekonomi dan peluang pekerjaan					
3) Infrastruktur dan kemudahan awam (jalan raya, bekalan air, elektrik, internet)					
4) Pendidikan dan kebajikan rakyat					
5) Ketelusan dan integriti calon serta parti yang bertanding					
6) Isu tanah dan hak milik penduduk tempatan					
7) Perkhidmatan kesihatan dan kesejahteraan masyarakat					
8) Keupayaan wakil rakyat dalam menyuarakan isu rakyat di peringkat negeri dan persekutuan					
9) Tadbir urus Kerajaan Negeri					

BAHAGIAN D – KESEJAHTERAAN MASYARAKAT (EKONOMI)

Sejauh mana anda bersetuju bahawa isu ekonomi dan penerimaan bantuan kerajaan penting dalam menentukan pilihan anda dalam Pilihan Raya di kawasan anda mengundi.

Sila nyatakan tahap persetujuan anda terhadap kenyataan berikut dengan menggunakan skala 1 hingga 5:

(1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Neutral, 4 = Setuju, 5 = Sangat Setuju)

Perkara	Skala				
	1	2	3	4	5
1) Harga barang keperluan harian semakin meningkat dan menjejaskan kos sara hidup.					
2) Peluang pekerjaan untuk golongan belia atau graduan adalah terhad.					
3) Peluang pekerjaan yang ada tidak menawarkan pendapatan yang tinggi.					
4) Sokongan kepada usahawan kecil dan sederhana (PKS) kurang efektif dalam membantu ekonomi tempatan.					
5) Pelaburan dan pembangunan ekonomi di DUN ini masih perlahan berbanding kawasan lain di Perak.					
6) Subsidi dan kawalan harga barang keperluan oleh kerajaan kurang berkesan dalam membantu rakyat.					
7) Sumbangan atau bantuan kewangan Kerajaan banyak meringankan beban hidup rakyat (e.g. Sumbangan Tunai Rahmah (STR), Bantuan MyKAD Madani).					
8) Saya telah menerima bantuan kerajaan negeri Perak seperti bantuan kebajikan, subsidi atau skim sokongan ekonomi.					
9) Bantuan kerajaan yang saya terima membantu meringankan beban kewangan saya dan keluarga.					
10) Bantuan kerajaan yang diberikan diagihkan secara adil kepada semua yang layak.					
11) Bantuan kepada golongan pekebun kecil dan peniaga kecil perlu ditambah baik.					

BAHAGIAN E – KESEJAHTERAAN MASYARAKAT (SOSIAL)

Sejauh mana anda bersetuju bahawa isu sosial berikut dapat menentukan pilihan anda dalam pilihan raya di kawasan anda mengundi.

Sila nyatakan tahap persetujuan anda terhadap kenyataan berikut dengan menggunakan skala 1 hingga 5:

(1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Neutral, 4 = Setuju, 5 = Sangat Setuju)

Perkara	Skala				
	1	2	3	4	5
1) Akses kepada perkhidmatan kesihatan di DUN ini masih perlu dipertingkatkan.					
2) Kemudahan pendidikan di DUN ini adalah mencukupi untuk keperluan pelajar.					
3) Perpaduan antara kaum di DUN ini semakin merosot dan perlu diperkuatkan.					
4) Masalah kemiskinan masih menjadi isu utama dalam komuniti di DUN ini					
5) Akses kepada perumahan mampu milik masih menjadi cabaran bagi penduduk tempatan.					
6) Kadar jenayah di DUN ini semakin meningkat dan menjejaskan keselamatan penduduk.					
7) Penyalahgunaan dadah dan alkohol dalam kalangan belia semakin berleluasa.					
8) Gejala sosial dalam kalangan remaja seperti ponteng sekolah dan budaya hedonisme semakin meningkat.					
9) Pengangguran dalam kalangan belia menyumbang kepada peningkatan masalah sosial di DUN ini.					
10) Kualiti kemudahan awam dan kebersihan kawasan perumahan masih belum memuaskan.					
11) Kerajaan negeri Perak telah mengambil langkah berkesan dalam menangani isu sosial di DUN ini					
12) Kerajaan persekutuan menyediakan bantuan yang mencukupi dalam menangani masalah sosial di Perak.					
13) Program kerajaan untuk meningkatkan perpaduan antara kaum di DUN ini adalah berkesan.					
14) Usaha kerajaan dalam menangani masalah jenayah dan dadah adalah mencukupi.					

Nyatakan tahap kepuasan anda terhadap kemudahan yang disediakan di kawasan DUN tempat anda mengundi seperti berikut:

Sila nyatakan tahap persetujuan anda terhadap kenyataan berikut dengan menggunakan skala 1 hingga 5:

(1 = Sangat Tidak Berpuashati, 2 = Tidak Berpuashati, 3 = Neutral, 4 = Berpuashati, 5 = Sangat Berpuashati)

Perkara	Skala				
	1	2	3	4	5
1) Perkhidmatan kesihatan					
2) Internet dan wifi					
3) Kemudahan perumahan					
4) Pengangkutan awam					
5) Kemudahan air bersih					
6) Kemudahan elektrik					

BAHAGIAN F - KESEJAHTERAAN MASYARAKAT (LEGAL)

Sejauh mana anda bersetuju bahawa kepercayaan terhadap sistem pilihan raya dan persepsi terhadap isu rasuah penting dalam menentukan pilihan anda dalam Pilihan Raya di kawasan tempat anda mengundi.

Sila nyatakan tahap persetujuan anda terhadap kenyataan berikut dengan menggunakan skala 1 hingga 5:

(1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Neutral, 4 = Setuju, 5 = Sangat Setuju)

Perkara	Skala				
	1	2	3	4	5
1) Saya percaya bahawa sistem pilihan raya di Malaysia adalah adil dan telus .					
2) Saya yakin bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menjalankan pilihan raya secara bebas tanpa campur tangan politik.					
3) Saya percaya bahawa keputusan pilihan raya di DUN ini akan mencerminkan kehendak sebenar pengundi .					
4) Saya yakin undi saya dalam PRK ini akan memberi kesan kepada pembangunan kawasan saya .					
5) Kerajaan negeri Perak mempunyai komitmen tinggi dalam memastikan pentadbiran bersih dan bebas rasuah .					

Tamat.